

## **Sumbangan Kitab *Risalah Fi Bayani Hukmi Al-Bai'i Wa Al-Riba* Karangan Shaykh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas Kepada Koleksi Fiqh Melayu**

Hasanulddin Mohd  
Zurita Mohd Yusoff  
Norhafizah Mat Yusoff

### **Abstrak**

Kitab Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba ialah sebuah kitab fiqh yang jarang dikenali masyarakat. Ia dikarang oleh Shaykh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas, mufti kerajaan Negeri Terengganu yang pertama. Justeru, ia merupakan antara rujukan yang perlu diberikan perhatian dalam membicarakan fiqh al-mu'amalat, khasnya dalam bab jual beli, riba, dan mudharabah. Kajian akan cuba mengenangkan biodata ringkas pengarang, bagaimana karya ini dijejaki, di samping membahaskan isi kandungan dan beberapa analisis daripada kitab beliau. Data dikumpul daripada tinjauan perpustakaan, soal selidik dan tembual dan kemudian dianalisis menggunakan metode analisis kandungan. Kajian mendapati bahawa karya ini merupakan salah sebuah kitab yang berperanan dalam menyebarkan fiqh al-mu'amalat menurut acuan tempatan. Banyak pemikiran pengarang yang bersifat kritis dan analitis telah dijelaskan di dalamnya. Pun begitu, beliau bersikap terbuka kepada pandangan-pandangan lain, serta dilihat mampu menggabungkan teori-teori dan hukum-hukum fiqh dengan unsur-unsur tasawuf dan akhlak. Justeru, kitab beliau ini seharusnya mendapat tempat yang sewajarnya dalam masyarakat, sekalipun terdapat beberapa kritikan yang munasabah. Kesimpulannya, kajian terhadap kitab-kitab ulama tempatan seharusnya dirancakkan, terutamanya dalam bidang fiqh al-mu'amalat agar masyarakat kini dapat mengambil manfaat daripadanya.

Kata kunci: Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba, Shaykh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas, fiqh al-mu'amalat.

### Abstract

*Kitab Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba* is a book written on Islamic Jurisprudence which is hardly known. It was authored by Shaykh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas, who was the first mufti in the Terengganu State Government. Thus, the book is an essential reference in discussing fiqh al-Muamalat, especially concerning the topics of purchase, interest, and mudharabah. The study will attempt to highlight the biodata of the author, how the manuscript was tracked, as well as analyzing the content of his book. The data were collected from library research, questionnaires, and interviews. Then, they were analysed by analysis content metode. The study found the manuscript has played its own role in spreading the Fiqh al-Muamalat in a local mould. The author could express his ideas critically and analytically, meanwhile the other opinions were not been ignored. Also, he seemed to be able to combine both Islamic Jurisprudence and ethics in parallel. Thus, it should receive more attention from society. In conclusion, the study of our scholars' books should be strengthened, especially in the Fiqh al-Muamalat, so that people can take benefit from it.

**Keywords:** *Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba, Shaykh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas, fiqh al-mu'amalat.*

---

## Pengenalan

Kitab *Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba* karangan Shaykh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas, Mufti Kerajaan Negeri Terengganu yang pertama ialah sebuah kitab fiqh yang ditulis dalam bahasa Melayu pada awal kurun ke 19 Masihi. Sehubungan dengan itu, penulisan ini cuba mengenangkan kitab tersebut yang masih dalam bentuk manuskrip serta membuat tinjauan dan analisis ringkas terhadap isi kandungannya. Data dikumpul daripada metode sejarah, dokumentasi, tinjauan perpustakaan, soal selidik dan temubual. Ia kemudiannya dianalisis menggunakan metode analisis kandungan.

## Latar Belakang Pengarang

Shaykh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas (Shaykh Abdul Qadir) merupakan salah seorang ulama berpengaruh di Terengganu pada kurun ke 19. Ramai tokoh dan ulama yang dilahirkan di Terengganu adalah hasil didikannya. Ini termasuk Baginda Sultan Omar, Tok Ku Tuan Besar, Tok Syeikh Duyong dan lain-lain (Wan Mohd Saghir 2009, 37-40). Nama lengkapnya ialah Shaykh Wan Abdul Qadir bin Wan Abdul Rahim bin Wan Deraman bin Wan Bakar bin Wan Ismail bin Faqih Ali al-Malbari. Terdapat andaian yang menghubungkan nasab keturunan beliau dengan Rasulullah s.a.w., namun ia tidak dapat dipastikan kesahihannya (Wan Mohd Saghir 1997, 18-19; Ismail 18 September 2010). Shaykh Abdul Qadir dilahirkan di Patani pada suatu tarikh yang tidak diketahui (al-Fatany 2002, 250). Beliau mendapat pendidikan awal di beberapa pondok

pengajian di Patani. Seterusnya, beliau menyambung pengajiannya di Mekah dan Madinah. Setelah mendalami ilmu pengetahuan di tanah suci, Shaykh Abdul Qadir pulang ke tanahair dan memilih Pulau Duyung di Terengganu sebagai persinggahan pertama.

Di Terengganu, Shaykh Abdul Qadir menyampaikan ajaran Islam menurut akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah dan bertaklidkan mazhab Imam al-Shafi'i. Beliau mengajar pelbagai bidang yang merangkumi pengajian usuluddin, feqh, tasawuf dan lain-lain. Beliau juga telah membina sebuah masjid di Kampung Bukit Bayas dan mula mengasaskan institusi pengajian pondok menurut tradisi di Patani. Oleh sebab beliau banyak memusatkan kegiatan keilmuannya di Bukit Bayas, maka terkenallah namanya mulai saat itu dengan gelaran Shaykh Abdul Qadir Bukit Bayas (al-Fatany 2002, 21-23). Terdapat beberapa karya yang cuba dinisbahkan kepada Shaykh Abdul Qadir, namun hanya satu karya beliau yang sahih yang ditemui setakat ini iaitu kitab *Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba*, yang selesai dikarang pada tahun 1234H (1819M). Dalam naskhah yang lain, ia turut diberi judul *al-Targhib wa al-Tarhib li al-Bai'i wa al-Shira'* (Wan Mohd Saghir 1997, 24-26, \_\_\_\_\_ 2009, 37-40; \_\_\_\_\_ 2000, 23-24). Shaykh Abdul Qadir memberikan sumbangan yang besar kepada negeri Terengganu, khususnya dalam aspek dakwah dan keilmuan Islam. Pengaruhnya juga berkembang luas, sama ada terhadap masyarakat awam atau kerajaan negeri sendiri. Kemuncaknya ialah ketika dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Terengganu oleh Baginda Sultan Omar. Dengan nasihat beliau sebagai mufti, ditambah dengan minat Baginda Sultan Omar akan agama, menyebabkan dasar-dasar kerajaan negeri selari dengan roh dan kehendak Islam (al-Fatany 2002, 250; Muhammad 1991, 148-150). Shaykh Abdul Qadir akhirnya telah kembali ke rahmatullah pada tahun 1864 Masihi di Kampung Paya Bunga. Riwayat lain menyebutkan bahawa beliau meninggal dunia di Bukit Bayas.

### **Kandungan Kitab *Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba***

Kitab *Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba* merupakan sebuah kitab fiqh yang ditulis mengikut mazhab Imam al-Shafi'i. Namun begitu, ia hanya menyentuh beberapa topik muamalat sahaja yang dibahagikan kepada sepuluh topik. Topik-topik itu serta perinciannya adalah seperti berikut:

1. Mukaddimah kitab dengan beberapa tajuk kecil  
Pengarang memulakan bicaranya dengan basmalah dan pujian kepada Allah. Pengarang menyatakan bahawa tujuan kitab ini ditulis adalah untuk memberi manfaat kepada semua golongan masyarakat. Pengarang seterusnya mengemukakan dalil-dalil keharusan jual beli dan pengharaman riba, menjelaskan jenis-jenis pekerjaan, sebelum diakhiri dengan penjelasan tentang pekerjaan yang terbaik daripadanya berdasarkan individu dan keadaan.
2. Hukum jual beli  
Perbahasan tentang jual beli dimulakan dengan penerangan mengenai jenis-jenis jual beli yang terlibat serta hukumnya, rukun-rukun jual beli, serta syarat-syarat setiap rukun tersebut. Penerangan secara terperinci

juga diberikan tentang hukum jual beli secara unjuk-mengunjuk, melihat barang yang ingin dijual beli, dan dhabit penerimaan barang daripada penjual kepada pembeli.

3. Hukum riba

Dalam topik ini, pengarang mengemukakan dalil-dalil pengharaman riba, hukum riba dan siksaan terhadap pemakan riba, barang-barang jual beli yang boleh menjadi riba, bahagian-bahagian riba, dan syarat-syarat jual beli barang yang mempunyai ‘illah riba. Turut dinyatakan jenis-jenis makanan dan hukum riba padanya, helah jual beli barang yang mempunyai ‘illah riba dan hukumnya, syarat jual beli barang ber‘illah riba dengan yang bukan jenis, dan hukum jual beli barang yang telah dimasak.

4. Hukum menipudaya dalam jual beli

Antara topik terkecil dalam kitab ini. Pengarang memulakan tajuk ini dengan mengemukakan hukum dan dhabit penipuan. Seterusnya, dijelaskan kewajipan ke atas pihak yang mengetahui akan keaiban barang yang ingin dijualbeli, dalil-dalil pengharaman penipuan dalam jual beli serta kisah-kisah teladan yang berkaitan dengan penipuan ini.

5. Hukum bertolak ansur (al-Musahalah) dalam jual beli

Topik ini menjurus kepada etika-etika yang sepatutnya diamalkan oleh peniaga. Penerangan dimulakan dengan dalil-dalil yang menganjurkan sikap bertolak-ansur dalam jual beli dan konsep al-iqalah. Perbincangan diteruskan dengan kisah-kisah renungan, martabat-martabat dalam berbuat kebajikan, dhabit pengambilan untung, memberi tangguh bagi orang yang susah, serta anjuran bersedekah ke atas para peniaga.

6. Kepentingan mengelakkan perkara-perkara yang membina sakan ketika berjual beli

Topik ini cenderung untuk membicarakan tentang peringatan-peringatan yang perlu diambil serius oleh para peniaga agar selari dengan matlamat syara’. Pengarang mengemukakan beberapa saranan yang boleh menjaga mereka daripada terlalai atau disibukkan dengan perniagaan mereka. Kesemua cadangan ini dikukuhkan dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadith serta kisah-kisah yang berlaku pada golongan yang terdahulu. Juga diselitkan beberapa hukum yang berkait dengan beberapa persoalan jual beli.

7. Hukum mengurangkan sukatan

Walaupun topik ini agak kecil, namun sudah memadai untuk menerangkan hukum mengurangkan sukatan dan timbangan serta hukuman terhadap orang yang melakukannya berdasarkan al-Quran dan hadith serta kisah-kisah yang berlaku sebelum ini.

8. Hukum orang yang zalim

Zalim yang dimaksudkan oleh pengarang tidak terbatas kepada peniaga semata-mata, bahkan melangkaui segenap aspek kehidupan. Maka dinyatakan hukum serta balasannya berdasarkan dalil-dalil daripada

al-Quran dan hadith serta kisah-kisah teladan yang tertentu. Selain itu, penerangan juga merangkumi hukum bagi orang yang bersubahat dengan mereka serta kedudukan orang yang dizalimi.

9. Hukum menyorok barang jual beli (al-Ihtikar)  
Di dalam topik ini, pengarang menjelaskan pengertian al-Ihtikar serta dalil-dalil pengharamannya menurut hadith. Selain itu, dinyatakan juga kelebihan orang yang meninggalkan perbuatan ini berdasarkan hadith, dan perbincangan khusus tentang penyorokan barang makanan dan jenis-jenisnya.
10. Hukum mengambil modal bahagi laba (al-mudharabah)  
Dalam tajuk terakhir ini, pengarang menghuraikan pengertian al-mudharabah, dalil-dalil keharusannya daripada al-Quran, hadith dan ijma'. Seterusnya, dijelaskan rukun-rukun al-mudharabah serta syarat-syarat bagi setiap rukun itu, beberapa permasalahan dalam isu pihak-pihak yang terlibat dalam akad ini, jenis pekerjaan yang dilakukan, serta kedudukan keuntungan atau kerugian yang dihasilkan. Akhir sekali, perbahasan ditutup dengan menjelaskan kedudukan akad al-mudharabah serta kesan yang berlaku jika terjadinya pembubaran terhadap akad tersebut (Wan Mohd Saghir 1997, 1-66 dari belakang).

### **Kekuatan dan Kritikan Kitab *Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba***

Kitab *Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba* sangat menarik untuk dikaji, kandungannya. Rencana ini akan mengutarakan beberapa kekuatan dan kritikan terhadap kitab ini.

Dari segi keuatannya, pengarang kitab ini bersikap kritis ketika membawakan pemikiran beliau terhadap beberapa permasalahan hukum jual beli dalam kerangka konteks semasa. Contohnya, ketika menyebut tentang pengharaman jual beli buku-buku syair yang ada pada masa itu, pengarang menyatakan,

Dan demikian lagi tiada sah dijual segala kitab orang kafir dan kitab nujum dan falsafah dan segala hikayat yang dusta seperti Hikayat Seri Rama dan Serat Jawa dan Syair Kentabunan dan barang sebagainya daripada syair dan hikayat yang tiada memberi manfaat. Dan demikian lagi haramlah membaca segala yang tersebut ini laki-laki dan perempuan. Dan lagi larilah segala malaikat sebab busuk bau yang keluar daripada mulut orang yang membaca akan segala hikayat dan syair yang tersebut itu. Maka sayugianya atas orang yang mukmin menakuti akan orang yang membaca akan dia.

(Wan Mohd Saghir, 16 bahagian belakang)

Justeru, Wan Mohd Saghir (1997) menyimpulkan bahawa kitab ini bukan hanya merupakan terjemahan semata-mata, tetapi merupakan buah fikiran pengarang yang dicurahkan di dalamnya. Sebagai contoh, petikan di atas jelas menunjukkan bahawa Syakh Mohd Qadir tidak menyetujui hikayat atau dongeng tempatan yang telah tersebar sebelum zamannya. Dari sudut yang lain, meskipun pengarang komited dengan mazhab Imam al-Shafi'i yang dipegangnya, ruang

turut diberikan kepada pandangan-pandangan lain, hatta daripada luar mazhab. Ini menunjukkan keterbukaan pengarang dalam mengambilkira kepelbagaiannya pendapat. Contoh yang dapat diambil ialah ketika membahaskan hukum jual beli secara unjuk-mengunjuk. Setelah mendatangkan hukum pengharaman jual beli ini beserta hujah, beliau menyatakan,

Dan kata setengah ulama seperti Ibnu Suraij dan Ruyani: Ditentukan harus jual beli dengan berberi-berian itu pada jual yang sedikit. Dan iaitu barang yang diadatkan orang berberi-berian padanya seperti seratlu gandum dan satu ikat daripada sayur-sayuran dan sekeping roti. Dan kata setengah ulama mengikut uruf negeri yang dikatakan sedikit, maka sah. Dan jika dikatakan banyak, tiada sah.

(Wan Mohd Saghir 1997, 11 bahagian belakang)

Seterusnya, beliau memetik pandangan daripada luar mazhab,

Adapun yang hasilnya jual beli ini, manakala tiada dilaku antara yang menjual dan yang membeli itu melainkan berberi-berian dengan perbuatan jua, tiada dengan dilafazkan dengan lidah, nescaya tiada sah jualnya dan belinya itu sekali-kali pada mazhab Imam kita Shafi'i radiy Allah 'anhу. Dan sah pada mazhab Imam Hanafi radiy Allah 'anhу jika ada pada suatu yang hayyin lagi sedikit harganya seperti membeli sayur-sayuran dan sedikit daripada buah-buahan dan roti dan daging.

(Wan Mohd Saghir 1997, 12 bahagian belakang)

Selain itu, pengarang juga mampu mengaplikasikan contoh-contoh yang bersifat tempatan dengan permasalahan hukum yang dibawa iaitu:

Dan tiada sah berjual kelapa dengan kulitnya yang di atas. Maka barangsiapa hendak membeli kelapa, maka hendaklah dikupas kulitnya dahulu, kemudian maka diakadkan jual belinya. Dan dimaafkan kulitnya yang di bawah iaitu tempurungnya seperti kulit buah delima dan kulit berangan dan kulit durian dan kulit timun. Maka sah jual belinya dengan dilihat luarnya jua, karena sekalian kulit yang tersebut ini memeliharakkan bagi isinya.

(Wan Mohd Saghir 1997, 19 bahagian belakang)

Hal ini mampu menjawab tohmahan yang ulama Melayu hanya mampu menyadur kitab-kitab ulama dari Timur Tengah. Ini kerana buah kelapa bukan sejenis buah yang biasa atau terkenal di kalangan masyarakat Timur Tengah. Justeru, kenyataan-kenyataan seumpama ini jelas menidakkan pandangan sesetengah pihak yang mengandaikan bahawa para ulama tempatan bersifat ortodoks dan jumud (Mohd Bakir 2007, 33), tanpa menggunakan pandangan dan pemikiran yang berpandukan kepada nas serta berdasarkan metodologi pendalilan yang sesuai seperti penggunaan uruf setempat dan sebagainya. Hal ini tidak benar kerana telah menjadi dasar pembinaan hukum di kalangan para ulama dengan mengambil kira perubahan nilai masyarakat akibat daripada perubahan masa dan tempat (Abdul Karim 2001, 56; Mohd Saleh 2005, 183-185; Muhammad Firdaus 2002, 112-115).

Satu lagi kekuatan kitab ini ialah kemampuan Syakh Abdul Qadir menggabungkan teori-teori dan hukum-hukum fiqh dengan unsur-unsur tasawuf dan akhlak. Ini menjadikan pendekatan hukum yang digunakan lebih berkesan dan lebih mudah meresap ke hati. Sebagai contohnya, pengarang mengaitkan

*Sumbangan Kitab Risalah Fi Bayani Hukmi Al-Bai'i Wa Al-Riba  
Karangan Shaykh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas Kepada Koleksi Fiqh Melayu*

pengambilan riba oleh seseorang yang jahil dan jauh daripada Allah:

Dan telah melebihkan oleh setengah ulama riba al-Qardh namanya, iaitu dihutangkan harta dengan syarat menghasilkan sesuatu manfaat bagi orang yang memberi hutang. Inilah yang masyhur pada manusia sekarang ini dan banyaklah jatuh yang demikian itu atas tiap-tiap orang yang tiada dekat akan Allah Subhanu wa Taala lagi jahil ia akan hukumnya.

(Wan Mohd Saghir 1997, 27 dari belakang)

Ini bermaksud seorang yang jauh daripada Allah lebih mudah terjebak dengan amalan riba yang diharamkan oleh Islam. Hal ini mengingatkan akan kepentingan mendekatkan diri kepada Allah, yang sememangnya dianjurkan dalam ilmu tasawuf.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa kritikan yang boleh dilontarkan. Pertamanya dari segi susunan topik. Bagi perbincangan tentang fiqh al-mu'amalat, pengarang hanya membincangkan bab jual beli, riba, al-ihtikar dan al-mudharabah yang merupakan topik khusus yang berkaitan dengan fiqh al-mu'amalat, sedangkan tajuk-tajuk yang lain diolah secara umum. Perbincangan lebih menjurus kepada perbicaraan tentang adab dan etika dalam bermuamalat dan sebagainya. Oleh itu, kitab ini tidak boleh dianggap mewakili keseluruhan atau sebahagian besar topik-topik penting dalam muamalat Islam. Ini kerana tumpuan utama pengarang pada masa tersebut adalah menjurus kepada aktiviti perniagaan yang lebih dominan di kalangan masyarakat berbanding kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain.

Menyentuh penulisan topik-topik tersebut secara khusus, hasil kajian mendapati bahawa pengarang tidak mengikuti metodologi penulisan ulama-ulama fiqh yang biasa ketika membincangkan tentang bab al-muamalat. Sebagai contohnya, pengarang memasukkan topik-topik seperti hukum menipudaya dalam jual beli, hukum bertolak ansur dalam jual beli, kepentingan mengelakkan perkara-perkara yang membinaaskan ketika berjual beli, hukum mengurangkan sukatan, dan hukum orang yang zalim. Tajuk-tajuk ini bukan merupakan tajuk yang biasa dinyatakan oleh para ulama dalam fiqh al- mu'amalat. Berkemungkinan ini adalah ijтиhad pengarang sendiri.

Selain itu, sebahagian isi kandungan kitab ini tidak mempunyai rujukan yang spesifik seperti kenyataan pengarang: ‘Dan dihikayatkan orang...’ serta ‘Dan kata setengah ulama...’ (Wan Mohd Saghir 1997, 28,43 bahagian belakang). Begitu juga, sebahagian fakta yang terkandung di dalamnya tidak tepat seperti penambahan lafaz-lafaz tertentu pada ayat-ayat al-Quran (Wan Mohd Saghir 1997, 22,38 bahagian belakang) dan boleh diragui akan kesahihannya seperti status hadith yang dijadikan sebagai sandaran hukum (Mohd Khairul Nizam 2010). Jika kitab ini mempunyai rujukan seperti nama-nama ulama, kitab, tempat dan sebagainya, sebahagiannya merupakan fakta yang terasing pada fikiran pembacanya yang memerlukan penitian lanjut untuk memastikan kewujudan dan kesahihannya. Contohnya, nama kitab *Mishkat al-Taqwa*, *Hikayat Seri Rama dan Serat Jawa* dan *Syair Kentabunan*, nama periyawat *Shaqiq al-Balkhi*, dan nama tokoh *Sirri al-Saqti* seperti yang dinyatakan oleh pengarang (Wan Mohd Saghir 1997, 4, 17, 34, 36 bahagian belakang). Ini mewujudkan kekangan kepada umat Islam yang hidup pada zaman ini, khususnya golongan cendekiawan dan pelajar untuk memahami isi kandungan kitab tersebut.

## Kepentingan Kajian Kitab *Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba*

Menurut Wan Mohd Saghir (1997), kitab ini boleh diklasifikasikan sebagai koleksi yang sangat nadir memandangkan kecilnya jumlah naskhah yang berjaya ditemui. Setakat kajian yang dijalankan olehnya, hanya dua naskhah yang dapat dijejaki. Berdasarkan semakan dan rujukan penulis terhadap sumber-sumber yang berkaitan sama ada di dalam atau luar negara pula, dua lagi naskhah berjaya dikesan, menjadikan kesemuanya empat buah manuskrip kitab tersebut sahaja yang dapat dikesan setakat ini (Katalog Manuskrip Melayu 2000, 27,107; Katalog Manuskrip Melayu 2001, 117; Katalog Manuskrip Melayu 2002, 135).

Selain itu, rata-rata masyarakat tidak mengenali kitab ini serta pengarangnya. Bahkan, soal selidik yang dijalankan ke atas 20 orang pensyarah bidang pengajian Islam di sebuah IPTA mendapati hanya lapan orang sahaja yang mengenali pengarang kitab ini, manakala hanya enam orang daripada responden mengetahui kitab ini secara ringkas. Kebanyakan waris pengarang sendiri pun tidak menyedari akan kewujudan kitab ini (Wan Hamidi, 21 Januari 2011).

Menurut Wan Mohd Saghir (1997) lagi, kitab ini sangat penting kerana pengarang telah membahaskan isu-isu berkaitan ekonomi mengikut lunas-lunas ajaran Islam. Sementara Abdul Karim (2010) menegaskan kepentingan melakukan kajian terhadap ulama-ulama tempatan serta karya-karya mereka sebagai suatu penekanan.

## Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dibuat, Shaykh Abdul Qadir merupakan seorang tokoh ulama yang bergiat secara langsung dalam menyebarkan ilmu Islam di kalangan masyarakat Terengganu, khasnya dalam bidang fiqh al-mu'amalat. Buah fikirannya dalam kitab ini sememangnya menarik untuk dicernakan dalam konteks muamalat moden. Namun, kajian lanjut tentang kitab *Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba* perlu dilakukan supaya lebih banyak khazanah ilmu yang tersimpan di dalamnya dapat diuraikan dengan lebih terperinci. Kajian terhadap kitab ini boleh dijalankan sebagai satu kajian teks nusantara atau pengajaran agama bersiri di institusi-institusi akademik serta di kalangan masyarakat awam. Hal ini diyakini dapat memberikan impak yang baik kerana isi kandungan yang dipersembahkan oleh pengarang tidak jauh berbeza dengan realiti zaman ini. Selain itu, masyarakat kini juga dapat melihat kegigihan ulama terdahulu dalam menyelesaikan isu-isu semasa ketika itu, khasnya dalam muamalat Islam.

## Rujukan

- Abdul Karim Ali, 2001, *Pengambilkiraan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Menentukan Hukum: Konsep, Pendekatan dan Batas*, Dlm. Abdul Karim Ali & Raihanah Azahari (pnyt.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun* (2001). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ahmad Fathy al-Fatany, 2002, *Ulama Besar dari Patani*, Bangi: Penerbit UKM.
- Anon, 2000, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Anon, 2001, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Pertama*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia
- Anon, 2002, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Kedua*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd Bakhir Hj Abdullah, 2007, Sumbangan kitab-kitab jawi dalam pembangunan insan di Nusantara, *Jurnal Yadim* (9): 33-51.
- Mohd Saleh Haji Ahmad, 2005, *Risalah Ahkam*, Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- Muhammad Abu Bakar, 1991, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Jawatankuasa Koleksi Terengganu.
- Muhammad Firdaus Nurul Huda, 2002, *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam*, Selangor: Thinker's Library.
- Wan Mohd Saghir Abdullah, 1997, *Data Kitab Risalah Fi Bayani Hukmi al-Bai'i wa al-Riba Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim al-Fathani di Bukit Bayas Terengganu*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- \_\_\_\_\_, 2000, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, Jil. 1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- \_\_\_\_\_, 2009, *Koleksi Ulama Nusantara*, Jil. 2, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

## Temubual

- Abdul Karim Ali, Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 15 Februari 2010.
- Ismail Che Daud, Pengarang Majalah Pengasuh dan penulis biografi ulama-ulama Melayu Semenanjung, 18 September 2010.
- Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, Tutor Jabatan al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 11 Februari 2010.
- Wan Hamidi Wan Embong, Imam Masjid Kampung Bukit Bayas dan waris keturunan Shaykh Abdul Qadir Bukit Bayas, 21 Januari 2011.

**HASANULDDIN MOHD**

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: hasandin@unisza.edu.my

**ZURITA MOHD YUSOFF**

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: zurita@unisza.edu.my

**NORHAFIZAH MAT YUSOFF**

Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Tong,  
Setiu, Terengganu. MALAYSIA.  
Emel: ummu.fattah@yahoo.com